

16/11/1998

Tiga pelajar temuramah Mahathir

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini ditemuramah oleh tiga pelajar di Apec Temuramah Global MSC-VTM (misi perdagangan maya), forum multimedia yang membolehkan pelajar sekolah dari Malaysia dan ekonomi Apec lain menemuramah ketua-ketua perniagaan dan ekonomi Apec.

Dr Mahathir ditemuramah Noel Gould, Presiden Yayasan VTM; Idlan Rabihah Zakaria dari Universiti Tenaga Nasional dan Sara Isherwodd dari Sekolah Antarabangsa di sini.

Sesi temuramah selama 15 minit itu dikendalikan selepas Perdana Menteri merasmikan sidang perniagaan Apec.

Dr Mahathir diminta memberikan pendapat mengenai hak asasi manusia, penggunaan Internet sebagai alat komunikasi, dagangan mata wang dan pembangunan yang membawa kepada pengenalan kawal selia kawalan mata wang.

Program penyiaran itu akan diterbitkan stesen televisyen NTV7 dan Balack Ice Entertainment of Stockbridge, Massachusetts.

(END)